

09 SEP 1997

Mahathir-Pasaran

MALAYSIA DAN MONGOLIA AKAN TINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA

Oleh: Zulkefli Salleh

ULAN BATOR (Mongolia), 9 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Mongolia boleh meningkatkan hubungan perdagangan dan perniagaan berdasarkan kepada perkongsian pintar memandangkan kedudukan strategik negara itu antara China dan Russia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini semalam kerana lawatan rasmi empat hari ke Mongolia telah mengenal pasti potensi dalam hubungan dan kerjasama antara kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi yang memberi taklimat kepada media massa Malaysia mengenai perbincangan antara Dr Mahathir dan rakan sejawatannya di Mangolia M. Enkhsaikhan berkata, sebagai permulaan kedua-dua negara akan menandatangani perjanjian udara untuk tujuan itu.

Perjanjian udara itu yang akan membolehkan penerbangan ke Ulan Bator ditandatangani oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Infrastruktur G. Niamdava dalam satu majlis yang disaksikan oleh Dr Mahathir and Enkhsaikhan selepas perbincangan di Parlimen Mongolia.

Dr Ling berkata, di bawah perjanjian itu Malaysia boleh membawa 1,800 penumpang setiap minggu antara Malaysia dan Mongolia melalui - Beijing, Shanghai Seoul dan Moscow, dan di sebaliknya Mangolia juga akan mendapat hak yang sama dan mungkin menggunakan Seoul dan Singapura sebagai tempat persinggahannya.

Dr Ling berkata, perbincangan mengenai butir-butir penerbangan itu akan bermula segera tetapi buat permulaan Malaysia akan cuba gunakan perkongsian kod dengan Mongolia di sebalik memperkenalkan penerbangan kerana tidak mahu menjejaskan penguasaan pasaran oleh Mongolia.

Penerbangan Malaysia (MAS) kini mengendalikankan penerbangan enam kali ke Beijing dengan MAS dan Penerbangan Mongolia (MIAT) boleh memindahkan penumpang, kata beliau.

Dr Mahathir juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian mengenai Kerjasama Ekonomi, Saintifik, Teknikal dan Budaya oleh Abdullah dan Menteri Hal Ehwal Luar Mongolia Altengeral.

Satu Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Saintifik dan Teknikal Mengenai Penggunaan Minyak Sawit ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama Datuk Harun Siraj dan B. Khukenkhu, pengerusi eksekutif Khunstex Technology, sebuah syarikat memproses makanan.

Abdullah berkata, Dr Mahathir dan Enkhsaikhan juga bersetuju yang Malaysia dan Mongolia menjalankan kajian kemungkinan untuk membina pelabuhan darat di Mongolia untuk mengatasi masalah mengangkut barangan, kata beliau.

Mongolia dikelilingi daratan dan tidak mempunyai pelabuhan laut. Keadah pengangkutan utama adalah melalui keretapi.

Kemudian, semasa berucap di majlis makan tengah hari bagi ahli-ahli perniagaan Mongolia dan delegasi ahli perniagaan Malaysia seramai 66-orang, Dr Mahathir berkata masyarakat perniagaan kedua-dua negara tidak harus dihalang oleh pendapat yang perdagangan tidak boleh berkembang antara negara-negara membangun.

Beliau berkata jumlah dagangan Malaysia dengan negara-negara membangun lain berkembang 13.6 peratus kepada AS\$23.9 bilion pada 1995, sementara jumlah eksportnya ke negara-negara membangun meningkat 8.3 peratus kepada AS\$13.9 bilion.

Sebagai satu kumpulan, negara-negara membangun mewakili 17.7 peratus daripada eksport Malaysia ke dunia pada 1996 dan sektor swasta kedua-dua

negara perlu memainkan peranan utama dalam meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata mereka perlu menggunakan rangka kerja perlu yang telahpun disediakan oleh kedua-dua negara untuk meningkatkan perniagaan. Antara rangka kerja itu ialah Perjanjian Jaminan Pelaburan dan Perjanjian Pengelakkan Cukai Berganda yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 1995.

Dr Mahathir percaya pertemuan antara ahli-ahli perniagaan Malaysia yang mengiringi beliau dengan ahli perniagaan Mongolia akan memperkukuhkan lagi hubungan yang diwujudkan oleh delegasi perniagaan Mongolia yang datang ke Kuala Lumpur pada Julai 1995 dan Mac 1996.

Dr Mahathir berkata, usahasama antara rakyat Mongolia dan Malaysia telahpun wujud dengan MM Holdings Ltd dari Mongolia mempunyai beberapa usahasama dengan Sriwani Holdings Berhad dari Malaysia melalui MM Sriwani Co Ltd, bagi pembinaan dan pengurusan kompleks-kompleks bebas cukai.

Di samping itu, Malaysia Mining Corporation (MMC) dengan rakan mereka di Mongolia akan melaksanakan Projek Hidroelektrik Egiin, dan perjanjian antara Kumpulan Monsonic dari Mongolia dan Optastar Sdn Bhd dari Malaysia akan membolehkan Malaysia membekalkan gula yang diproses dan beras kepada syarikat itu, kata beliau.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya yang Malaysia dan Mongolia boleh meningkatkan hubungan ekonomi ke tahap baru daripada tahap sekarang dan juga memperluaskan barangan yang didagangkan memandangkan ia jauh di bawah potensi yang ada.

Perdagangan dua hala antara Mongolia dan Malaysia adalah 0.32 peratus daripada jumlah dagangan dunia bagi Mongolia pada 1996. Daripada AS\$172,000 pada 1990, jumlah dagangan antara kedua-dua negara telah meningkat kepada AS\$2.715 juta pada 1996,

Eksport Malaysia ke Mongolia berjumlah AS\$1.58 juta tahun lepas sementara import berjumlah AS\$1.14 juta, kata Dr Mahathir.

Eksport Malaysia ke Mongolia ialah sabun dan bahan pembersih, perabot, produk petroleum, minuman, peralatan pemanas dan penyejuk.

Dalam perbincangan dua hala, Malaysia dan Mongolia juga bersetuju meningkatkan kerjasama di peringkat antarabangsa dengan membantu dan berunding antara satu sama lain mengenai isu-isu antarabangsa dari masa ke masa, khasnya mengenai pembaharuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Berkecuali dan G-7.

Malaysia juga bersetuju untuk melanjutkan latihan bagi rakyat Mongolia dalam bidang perlombongan, geologi, elektronik dan bidang-bidang lain di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Kemudian pada tengah hari, Dr Mahathir dan Enkhsaikhan merasmi dan melawat sebuah kedai bebas cukai milik syarikat usahasama MM Sriwani Co Ltd di Lapangan Terbang Antarabangsa Buyant-Ukha.

Dr Mahathir, sebelum menghadiri perbincangan dua hala mengunjungi Pengerusi Parlimen Mongolia R. Gonchigdorj yang mana mereka bersetuju supaya Parlimen Malaysia dan Mongolia meningkatkan kerjasama termasuk pada peringkat antarabangsa di bawah Kesatuan Parlimen Antarabangsa (IPU). --

BERNAMA

ZKS PR